

## Labur Raya 2019 ("Kempen")

### **Terma & Syarat**

#### **Kelayakan**

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB").
2. Kempen ini bermula pada 7 Jun 2019 (jam 12.01 minit tengah malam) hingga 11 Ogos 2019 (jam 12 tengah malam) ("Tempoh Kempen");
3. Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali semua kakitangan Kumpulan PNB iaitu Permodalan Nasional Berhad, ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd, PNB Management Services Sdn Bhd, PNB Value Homes Sdn Bhd dan PNB Investment Institute Sdn Bhd.
4. Untuk layak menyertai Kempen ini, peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
  - i. Peserta mestilah berusia lapan belas (18) tahun ke bawah dan merupakan pemegang Akaun Remaja / Akaun Bijak ASNB;
  - ii. Peserta mestilah layak melabur dalam Akaun Remaja Amanah Saham Bumiputera ("ASB") atau Akaun Bijak Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB 2");
  - iii. Peserta mestilah membuat pelaburan minima sekurang-kurangnya RM10 dalam unit amanah ASB atau ASB 2;
  - iv. Pelaburan mestilah dibuat menerusi perkhidmatan portal myASNB, perbankan internet, Skim Potongan Gaji atau di kaunter cawangan ASNB/ ejen berdaftar ASNB; dan
  - v. Pelaburan mesti dibuat dalam Tempoh Kempen;
5. Tiada had penyertaan untuk setiap peserta.

#### **Pemenang dan Hadiah**

6. Untuk layak sebagai pemenang, peserta perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
7. Sebanyak empat (2) kategori hadiah boleh dimenangi ("Hadiah Kempen") berdasarkan kategori-kategori berikut:
  - i. Hadiah Utama  
Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB atau ASB 2 bernilai RM1,000.00 kepada dua puluh (20) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan sepanjang Tempoh Kempen.
  - ii. Hadiah Kategori Pelaburan
    - a) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB atau ASB 2 bernilai RM300.00 akan diberikan kepada seratus (100) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari RM1,001 ke atas sepanjang Tempoh Kempen.
    - b) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB atau ASB 2 bernilai RM200.00 akan diberikan kepada dua ratus lima puluh (250) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari RM501.00 – RM1,000.00 sepanjang Tempoh Kempen.
    - c) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB atau ASB 2 bernilai RM100.00 akan diberikan kepada tiga ratus lima puluh (350) pemenang yang membuat

pelaburan permulaan atau tambahan dari RM101.00 – RM500.00 sepanjang Tempoh Kempen.

d) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB atau ASB 2 bernilai RM50.00 akan diberikan kepada tiga ratus (300) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari RM10.00 – RM100.00 sepanjang Tempoh Kempen.

8. Seramai satu ribu dua puluh (1020) pemenang akan dipilih secara rawak melalui sistem yang diuruskan oleh pihak ASNB.
9. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) unit hadiah sepanjang Tempoh Kempen. Jika pelaburan dilakukan lebih dari sekali, jumlah terkumpul pelaburan tambahan dalam Tempoh Kempen akan diambilkira untuk menentukan hadiah yang diterima pelabur.
10. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak ASNB berhak menukar mana-mana hadiah dengan nilai yang sama.
11. Pemenang-pemenang akan dimaklumkan serta dihubungi oleh pihak ASNB melalui mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian. Senarai pemenang juga akan disiarkan di dalam laman web ASNB.

#### **Lain-lain Terma & Syarat**

12. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini. Keputusan pemenang adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
13. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan di dalam Kempen ini, peserta membenarkan ASNB menggunakan gambar, nama dan butiran peribadi peserta, menurut peruntukan perundangan berkaitan untuk tujuan pentadbiran, pemasaran dan publisiti tanpa sebarang kos atau pampasan.
14. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
15. Pihak ASNB berhak membuat pindaan terhadap terma dan syarat Kempen menggunakan apa-apa kaedah yang difikir sesuai oleh ASNB tanpa membuat kenyataan kepada mana-mana pihak.
16. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini.
17. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, rebut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian di luar kawalan ASNB.
18. Terma dan syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.